(/) » BERITA (/BERITA) » Terpaksa keluar dewan peperiksaan untuk susukan bayi

Senarai Berita (/berita)

# Terpaksa keluar dewan peperiksaan untuk susukan bayi

Oleh: Noor Eszereen Juferi



SERDANG, 30 Okt – Menduduki dalam peperiksaan akhir (CE Exam) 20 hari selepas melahirkan anak kedua tatkala penumpuan fikiran juga terarah kepada anak yang dijaga oleh ahli keluarga di luar dewan peperiksaan, tidak menghalang Nur Hafisya Mad Ali untuk menggenggam Ijazah Master.

"Setiap setengah jam saya terpaksa keluar dari dewan peperiksaan untuk menyusukan anak saya Melissa Aisyah Heryzal, yang dijaga oleh ahli keluarga yang menunggu di luar dewan kerana pada waktu itu suami bertugas di luar daerah," katanya.

Nur Hafisya, 31, ibu kepada dua orang anak memperoleh Master Komunikasi Korporat pada Majlis Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) Ke- 42 di sini.

Katanya, beliau meneruskan pengajian ketika mengandung kerana mahu memastikan dapat menamatkan pengajian dan memperoleh master dalam tempoh waktunya (graduate on time).

Katanya, semasa beliau mengandung, ada yang tidak menyokong keputusan beliau untuk terus menyambung pengajian.

"Saya positif kan diri serta mengambil kata-kata itu sebagai cabaran

LIHAT JUGA


UPM terima anugerah MRSA, tiga penyarah anugerah CREAM (/berita/upm_terima_anugerah_mrsa_tiga_pe rima_anugerah_cream-45849)


Dua atlet negara terima anugerah cemerlang konvoksyen UPM (/berita/dua_atlet_negara_terima_anugerah_ pada_konvoksyen_upm-45847)


"Hadiah Pingat Emas Canselor jadi azimat u berjaya" (/berita/hadiah_pingat_emas_canse mat_untuk_terus_berjaya-45845)

pertanyaan selanjutnya

Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
1800 22 5587
+603 8948 7273
@ marketing@upm.edu.my (mailto:marketing@upm.edu.my)

B1542597791

untuk terus menamatkan pengajian dengan cemerlang," katanya.

Suaminya Heryzal Jamari, 32, dan ahli keluarga serta mentuanya menyokong hasrat beliau untuk meneruskan pengajian ke peringkat master pada Februari 2016.

"Sebelum berkahwin saya berjanji dengan ibu bapa untuk menyambung pengajian ke peringkat Master. Apabila saya berkahwin dan memperoleh kerjaya serta pendapatan sendiri, saya yakin untuk memulakan pengajian saya di UPM," katanya.

Nur Hafisya memilih mod Pengajian Jarak Jauh (PJJ) iaitu kelas dihujung minggu kerana mudah untuk beliau membahagikan masa antara keluarga dan kerjaya.

"Pengurusan masa adalah amat penting dan pada setiap malam saya mendisplinkan diri memberi tumpuan untuk mengulangkaji serta melakukan tugasan yang ditetapkan oleh pensyarah," katanya.

Beliau yang bertugas sebagai Penolong Pendaftar di Bahagian Komunikasi Korporat, Universiti Islam Malaysia Cyberjaya turut mendapat galakkan daripada Ketua Jabatan bagi menyambung pengajian.

"Istilah 'wanita belajar akhirnya masuk ke dapur' pada masa kini sudah kurang relevan kerana wanita adalah tulang belakang bagi membantu keluarga.

"Wanita pada masa kini perlu berilmu serta memantapkan diri, dan tidak boleh berputus asa mengejar cita-cita dengan syarat tidak mengabaikan rumah tangga kerana restu keluarga adalah penting untuk berjaya," katanya. - UPM

Tarikh Input: 13/11/2018 | Kemaskini: 14/11/2018 | hairul_nizam

BM

Entiti Kami

Dokumen

Newsletter

Tetapan

**PERKONGSIAN MEDIA**

**HUBUNGI KAMI**

**Universiti Putra Malaysia**
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

1800 22 5587

+603 8948 7273

marketing@upm.edu.my

**PERKHIDMATAN DALAM TALIAN**

Sistem Permohonan ke Luar Negara (http://spln.upm.edu.my)
Sistem Ilmu Sumber Manusia (SISMAN) (http://www.sisman.upm.edu.my/)
KM Portal (http://km.upm.edu.my/kmportalweb/portal/render.action?method=home)
Jawatan Kosong (http://spj.upm.edu.my/)
Sistem Baik Pulih ICT (http://zonict.upm.edu.my/)
Putra Learning Hub (http://learninghub.upm.edu.my/)
Sistem Pengurusan Perubatan (http://regmedic.upm.edu.my/)
Sistem E-Claim (http://eclaims.upm.edu.my/login/)
i-GIMS (staf) (http://www.sps.upm.edu.my:8080/igims/index.jsp)
i-GIMS (pelajar pascasiswazah) (http://sgsportal.upm.edu.my:8080/sgsportal/)
Sistem Maklumat Pelajar (pelajar prasiswazah) (http://smp.upm.edu.my/smp/action/security/loginSmpSetup)

**PAUTAN LUAR**

Kementerian Pendidikan Malaysia (http://www.moe.gov.my/)
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) (http://www.ptptn.gov.my)
Multimedia Super Corridor (https://mdec.my/msc-malaysia/)
Portal myGovernment (https://www.malaysia.gov.my/en/home)
Agensi Kelayakan Malaysia (http://www.mqa.gov.my/)

**PAUTAN PANTAS**

FAKULTI / PTJ / PENTADBIRAN (/entiti)
Statistik Transaksi Laman Web (http://www.upm.e
Tender & Kontrak (http://etender.upm.edu.my/)
Laporan Piagam Pelanggan (http://www.upm.edu.my/mengenai_kami/maklum 8202)
Dasar UPM (http://www.pnc.upm.edu.my/mengen
Sistem Pengurusan ISO (http://reg.upm.edu.my/sp
Dana Wakaf Ilmu (http://www.wazan.upm.edu.my)
Penerbitan UPM (http://www.upm.edu.my/kandung
Poliklinik Putra Medik (http://www.upm.edu.my/kandungan/Poliklinik_Put
Takwim UPM 2018 (http://www.upm.edu.my/upload/dokumen/201802 2018.pdf)

B1542597791

BM
Dasar Privasi (/footnote/dasar_privasi-29949) Hakcipta (/footnote/hakcipta-29950)
RSS (/rss) Penafian (/footnote/penafian-29938)
Bantuan (/footnote/bantuan-29937) UPM online (/footnote/upm_online-38695)
Dasar Keselamatan (/footnote/dasar_keselamatan-29939)

© 2018 Universiti Putra Malaysia

LANGGAN MELALUI EMAIL Emel anda HANTAR

Entiti Kami
Dokumen
Newsletter
Tetapan

B1542597791